



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN DAFTAR SENARAI
BADAN PEMERIKSAAN YANG DIBERI KUASA
2025**

Tarikh kemaskini: 21 Julai 2025

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	2
2.0	PUNCA KUASA	2
3.0	TAFSIRAN	2
4.0	SKOP	3
5.0	SYARAT PERMOHONAN	4
6.0	PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN	4
6.1	KATEGORI PERMOHONAN	4
6.2	BUTIRAN PERMOHONAN	5
7.0	DOKUMEN	8
7.1	DOKUMEN PERMOHONAN.....	8
8.0	PEMAKLUMAN	12
10.0	PIAGAM PELANGGAN	12

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1. Panduan permohonan ini disediakan oleh Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri untuk rujukan kepada pemohon semasa membuat permohonan daftar senarai dan kemaskini maklumat Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa. Permohonan perlu dibuat melalui kaedah **serahan salinan cetak** kepada Ketua Pengarah JKKP Malaysia.
- 1.2. Panduan permohonan ini telah dikemaskini mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (LYMPK 2024).

2.0 PUNCA KUASA

- 2.1. Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024, senarai Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa pada Jadual Pertama.

3.0 TAFSIRAN

- 3.1. Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa ertinya mana-mana entiti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024.
- 3.2. Loji yang menghendaki perakuan kelayakan ertinya semua loji sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan 3, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024.
- 3.3. Pengubahan ertinya apa-apa pengubahan kepada reka bentuk yang boleh menjejaskan kekuatan, integriti atau keupayaan fungsi mana-mana loji yang menghendaki perakuan kelayakan, tekanan kerja selamat bagi dandang stim dan bejana tekanan, beban kerja selamat bagi jentera mengangkat; atau jarak pergerakan, saiz, kelajuan terkadar atau beban terkadar bagi lif.
- 3.4. Pembaikan ertinya mana-mana orang yang menjalankan kerja-kerja pemulihan atau penggantian komponen bagi mengekalkan keadaan baik ke atas mana-mana loji yang menghendaki perakuan kelayakan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024.
- 3.5. Standard yang diiktiraf ertinya standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024.

4.0 SKOP

Skop panduan permohonan adalah berdasarkan Jadual di bawah:

SKOP PERMOHONAN DAFTAR SENARAI BADAN PEMERIKSAAN YANG DIBERI KUASA	
JENIS PEMERIKSAAN	SKOP DAFTAR SENARAI
Semakan Reka Bentuk	DS01 - Reka Bentuk Dandang Stim PV01 - Reka Bentuk Bejana Tekanan LF01 - Reka Bentuk Lif ES01 - Reka Bentuk Eskalator LG01 - Reka Bentuk Laluan Gerak KR01 - Reka Bentuk Kren KD01 - Reka Bentuk Kren Dermaga PB01 - Reka Bentuk Pengangkat Benda PP01 - Reka Bentuk Pengangkat Penumpang AG01 - Reka Bentuk Kelengkapan Akses Gantung GP01 - Reka Bentuk Gantri Pelancaran KF01 - Reka Bentuk Keretapi Funikular PK01 - Reka Bentuk Pelantar Kerja Aerial LL01 - Reka Bentuk Lain-lain Jentera Mengangkat
Pengujian	DS02 - Pengujian Dandang Stim PV02 - Pengujian Bejana Tekanan
Penelitian	LF03 - Penelitian Lif ES03 - Penelitian Eskalator LG03 - Penelitian Laluan Gerak KR03 - Penelitian Kren KD03 - Penelitian Kren Dermaga PB03 - Penelitian Pengangkat Benda PP03 - Penelitian Pengangkat Penumpang AG03 - Penelitian Kelengkapan Akses Gantung GP03 - Penelitian Gantri Pelancaran KF03 - Penelitian Keretapi Funikular PK03 - Penelitian Pelantar Kerja Aerial LL03 - Penelitian Lain-lain Jentera Mengangkat

Jadual 1

5.0 SYARAT PERMOHONAN

Pemohon perlu mempunyai tempat kerja utama dan mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja, PEMTK dengan JKKP Negeri melalui sistem MyKKP. Tempat kerja utama tersebut hendaklah dipastikan lengkap dengan peralatan pemeriksaan loji mengikut skop yang dipohon. Syarikat pemohon juga hendaklah berdaftar dan memiliki sijil pengiktirafan sebagai Badan Pemeriksa di bawah Skim Akreditasi Badan-badan Pemeriksaan Malaysia (MIBAS) daripada Jabatan Standard Malaysia.

5.1 Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya **empat** orang kakitangan teknikal yang bertanggungjawab bagi setiap jenis pemeriksaan dan terdiri daripada:

- i. Pengurus Teknikal
- ii. Pemeriksa
- iii. Pengawal Dokumen
- iv. Penyelaras KKP (*OSH Coordinator*)

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

6.1 KATEGORI PERMOHONAN

PILIHAN KATEGORI PERMOHONAN	NOTA PENERANGAN
Daftar Senarai	Permohonan daftar senarai merujuk kepada pemohon yang baharu memohon untuk didaftar senaraikan sebagai Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024. Pemohon perlu merujuk panduan permohonan ini terlebih dahulu sebelum memilih skop daftar senarai dalam Jadual 1.
Kemaskini Maklumat	Pemohon perlu kemaskini maklumat Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa pada atau sebelum 31 Januari pada tahun tersebut atau jika terdapat sebarang perubahan pada skop daftar senarai (Bahagian A), maklumat syarikat (Bahagian B), maklumat kakitangan teknikal (Bahagian C), maklumat cawangan (Bahagian D) atau mana-mana maklumat berkaitan.

Jadual 2

6.2 BUTIRAN PERMOHONAN

Bahagian A: Maklumat Sub-Permohonan

Pilih **Skop Daftar Senarai** seperti yang terdapat dalam **Jadual 1**.

Bahagian B: Maklumat Syarikat

Pemohon bagi permohonan Daftar Senarai hendaklah mempunyai tempat kerja utama dan mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja, PEMTK dengan JKPP Negeri melalui sistem MyKPP. Tempat kerja utama tersebut hendaklah dipastikan lengkap dengan peralatan pejabat mengikut skop yang dipohon.

Nota: Maklumat kakitangan yang dihubungi seperti nama, alamat email dan nombor telefon bimbit hendaklah merujuk kepada kakitangan syarikat yang bertanggungjawab dalam menghantar permohonan syarikat.

Bahagian C: Maklumat Kakitangan Teknikal

Setiap kakitangan teknikal hendaklah memenuhi semua syarat kelayakan seperti jadual di bawah:

KRITERIA KELAYAKAN KAKITANGAN TEKNIKAL	
Pengurus Teknikal	
a)	Warganegara Malaysia atau bagi bukan Warganegara Malaysia hendaklah mempunyai permit bekerja yang sah di Malaysia.
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan KKP, kod dan standard reka bentuk loji yang menghendaki perakuan kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024, merujuk kepada jenis pemeriksaan.
c)	Kelayakan akademik dan pengalaman: Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal/ Awam/ Kimia atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh <i>Malaysian Qualification Accreditation (MQA)</i> atau <i>The Board of Engineers (BEM)</i> dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam pemeriksaan khususnya berkaitan keselamatan dan integriti loji yang menghendaki perakuan kelayakan mengikut standard yang diiktiraf; atau Memiliki Diploma dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal/ Awam/ Kimia atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh <i>Malaysian Qualification Accreditation (MQA)</i> atau <i>The Board of Engineers (BEM)</i> dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pemeriksaan khususnya berkaitan keselamatan dan integriti loji yang menghendaki perakuan kelayakan mengikut

	standard yang diiktiraf.
d)	Menghadiri dan lulus penilaian sebagai <i>Authorised Inspector</i> daripada standard yang diiktiraf seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024, merujuk kepada jenis pemeriksaan.
Pemeriksa	
	Warganegara Malaysia atau bagi bukan Warganegara Malaysia hendaklah mempunyai permit bekerja yang sah di Malaysia.
	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan KKP, kod dan standard reka bentuk loji yang menghendaki perakuan kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024, merujuk kepada jenis pemeriksaan.
	<p>Kelayakan akademik dan pengalaman:</p> <p>Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal/ Awam/ Kimia atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh <i>Malaysian Qualification Accreditation (MQA)</i> atau <i>The Board of Engineers (BEM)</i> dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam pemeriksaan khususnya berkaitan keselamatan dan integriti loji yang menghendaki perakuan kelayakan mengikut standard yang diiktiraf;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mempunyai kelayakan sebagai Jurutera Profesional (PEPC) yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia atau setara dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal/ Awam/ Kimia.</p>
	Menghadiri dan lulus penilaian sebagai <i>Authorised Inspector</i> daripada standard yang diiktiraf seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024, merujuk kepada jenis pemeriksaan.
Pengawal Dokumen	
a)	Warganegara Malaysia atau bagi bukan Warganegara Malaysia hendaklah mempunyai permit bekerja yang sah di Malaysia.
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan KKP, kod dan standard reka bentuk loji yang menghendaki perakuan kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024, merujuk kepada jenis pemeriksaan.
c)	<p>Kelayakan akademik dan pengalaman:</p> <p>Memiliki Ijazah Sarjana Dalam bidang Sains yang diiktiraf oleh <i>Malaysian</i></p>

	<p><i>Qualification Accreditation (MQA)</i> dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang pengurusan dokumen;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Memiliki Diploma dalam bidang Sains dengannya yang diiktiraf oleh <i>Malaysian Qualification Accreditation (MQA)</i> dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang pengurusan dokumen.</p>
d)	Menghadiri kursus pengurusan ISO 9001:2015 - <i>Quality Management System</i> .

Jadual 3

(Nota ¹ Kelulusan akademik yang dilampirkan hendaklah dan tidak terhad kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal seseorang di dalam bidang fizik, pengiraan matematik kejuruteraan, reka bentuk kejuruteraan teknikal dan kekuatan bahan kejuruteraan).

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan yang diperakui sah sijil-sijil kehadiran/ kelulusan kursus berkaitan seperti kod reka bentuk, kawalan kualiti kimpalan, OSH-C dan sijil berkaitan kimpalan berkaitan.

Bahagian D: Maklumat Cawangan

Sekiranya syarikat mempunyai cawangan tempat kerja yang ingin didaftarkan bagi menjalankan kerja sebagai Badan Pemeriksaan yang diberi kuasa, cawangan tersebut perlu mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja (PEMTK) yang berasingan dengan tempat kerja utama. Tempat kerja cawangan tersebut hendaklah dipastikan lengkap dengan peralatan pejabat mengikut skop yang dipohon.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
Nama Syarikat	Merujuk kepada nama syarikat (tempat kerja utama) yang didaftarkan seperti di Bahagian B.
Nombor Pendaftaran Syarikat	Nombor pemberitahuan tempat kerja cawangan yang didaftarkan di dalam MyKKP.
Nombor Telefon Syarikat	Nombor telefon cawangan tempat kerja.
E-mel Syarikat	E-mel cawangan tempat kerja yang boleh dihubungi oleh Jabatan.
Bilangan Pekerja	Bilangan pekerja yang berjawatan tetap dan kontrak di cawangan tempat kerja.

Kakitangan Teknikal	<p>Maklumat kakitangan teknikal yang bertanggungjawab di cawangan tempat kerja.</p> <p>Syarikat perlu menyediakan sekurang-kurangnya seorang kakitangan pengurus teknikal, pemeriksa dan pengawal dokumen seperti mana di tempat kerja utama.</p>
---------------------	---

Jadual 4

7.0 DOKUMEN

7.1 DOKUMEN PERMOHONAN

Semua dokumen permohonan perlu dihantar ke pejabat JKPP Putrajaya secara salinan cetak. Dokumen-dokumen adalah seperti berikut.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
1) Surat Permohonan	Menerangkan tujuan permohonan lengkap dengan maklumat pemohon.
2) Ringkasan latar belakang syarikat	Mengandungi katalog, maklumat latar belakang atau profil syarikat tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja (jika ada).
3) Carta organisasi utama tempat kerja (utama dan cawangan)	Carta organisasi tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja (jika ada) terkini yang mengandungi semua kakitangan syarikat. Sila nyatakan nama penuh, bahagian dan jawatan pengurus teknikal, pemeriksa dan pengawal dokumen.
4) Senarai nama pengurus teknikal, pemeriksa dan pengawal dokumen bagi tempat kerja (utama dan cawangan)	<p>Menyediakan senarai pengurus teknikal, pemeriksa dan pengawal dokumen dalam bentuk jadual yang mengandungi maklumat:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Nama ● Jawatan ● Pengalaman kerja dalam pemeriksaan khususnya berkaitan keselamatan dan integriti lojii yang menghendaki perakuan kelayakan mengikut standard yang diiktiraf ● Kelayakan akademik berkaitan yang tertinggi ● Jenis kursus teknikal dan KKP berkaitan yang telah dihadiri.

	<p>Bagi setiap kakitangan yang dinamakan, sertakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Resume; ➤ Sijil akademik tertinggi; dan ➤ Sijil kursus teknikal
5) Senarai aktiviti dan pengalaman kerja	<p>Maklumat perlu mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Senarai pengalaman kerja berkaitan skop pemeriksaan khususnya berkaitan keselamatan dan integriti loji yang menghendaki perakuan kelayakan mengikut standard yang diiktiraf. ● Senarai rekod kerja berkaitan pemeriksaan loji yang menghendaki perakuan kelayakan terdahulu.
6) Senarai peralatan pemeriksaan dimiliki beserta spesifikasi bagi tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja	<p>Senarai dan spesifikasi peralatan pemeriksaan tidak terhad kepada berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● <i>Dye Penetrant Test Kit</i> ● <i>Ultrasonic Thickness Gauge</i> ● <i>Welding Gauges</i> ● <i>Hardness Test Equipment</i> ● <i>Borescope Inspection Test Equipment</i> ● <i>Non-Destructive Testing (NDT) Equipment</i> ● <i>Hydrostatic Test Set</i> ● Kanta Pembesar ● Lampu suluh <p>Senarai peralatan di atas juga diperlukan untuk permohonan kemaskini cawangan tempat kerja yang baru.</p>
7) Pelan kedudukan jentera di tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja	<p>Menyediakan susun atur jentera di tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja, yang terkini bagi setiap permohonan.</p>
8) Manual Kawalan Kualiti yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan	<ul style="list-style-type: none"> ● Dasar kualiti. ● Prosedur kerja ● Senarai semak

<p>9) Manual Pemeriksaan</p>	<p>Menyediakan Manual Kawalan Kualiti yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dasar Kualiti Pemeriksaan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi ● Prosedur kerja pemeriksaan loji yang menghendaki perakuan kelayakan. ● Prosedur kerja semakan reka bentuk dan penyaksian pengilangan (jika ada) ke atas loji yang menghendaki perakuan kelayakan. ● Prosedur pengujian dan penelitian loji yang menghendaki perakuan kelayakan. ● Prosedur kerja penyaksian dan semakan ke atas dokumen kimpalan termasuk : <ul style="list-style-type: none"> ➢ <i>Welding Procedure Specification;</i> ➢ <i>Welder Qualification Test;</i> ➢ <i>Procedure Qualification Record</i> ● Arahan kerja loji yang menghendaki perakuan kelayakan.
<p>10) Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan</p>	<p>Menyediakan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Polisi Keselamatan dan Kesihatan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi. ● Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan, JKK. ● Prosedur Kerja Selamat (SOP). ● Penaksiran risiko seperti HIRARC, bagi kerja berkaitan skop pemeriksaan khususnya berkaitan keselamatan dan integriti loji yang menghendaki perakuan kelayakan mengikut standard yang diiktiraf.
<p>11) Laporan penilaian tempat kerja (OSHWA)</p>	<p>Pemohon perlu melampirkan Laporan Penilaian KKP Tempat Kerja (OSHWA) yang dijalankan secara sendiri.</p>

<p>12) Senarai standard yang diiktiraf yang dimiliki</p>	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan senarai dan nama standard yang diiktiraf yang digunakan untuk kerja berkaitan skop pemeriksaan khususnya berkaitan keselamatan dan integriti loji yang menghendaki perakuan kelayakan dalam bentuk jadual.</p> <p>Pemohon hendaklah menyediakan setiap standard yang diiktiraf tersebut sekiranya diminta oleh Jabatan ini.</p>
<p>13) Surat Kebenaran/Lesen Perniagaan (PBT/SSM (Borang 9 & 49)/PERKESO dan lain-lain)</p>	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan salinan surat kebenaran atau lesen perniagaan yang sah seperti lesen pihak berkuasa tempatan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Borang 9 dan 49) dan pendaftaran perusahaan PERKESO yang terkini bagi setiap permohonan.</p>
<p>14) Senarai sijil pengiktirafan yang telah diterima (ISO 9001/ISO 45001/OHSAS 18001/ISO 14001/ISO 14001/ MS 1722/ASME dan lain-lain) jika ada</p>	<p>Pemohon hendaklah memuatnaik sijil pengiktirafan berkaitan pencapaian kualiti pengurusan, teknikal dan KKP yang masih sah.</p> <p>Pemohon hendaklah menyediakan setiap sijil pengiktirafan tersebut sekiranya diminta oleh Jabatan ini.</p>
<p>15) Penyata Caruman KWSP kakitangan teknikal bagi 3 bulan terkini</p>	<p>Pemohon perlu mengemukakan rekod salinan penyata caruman KWSP yang mengandungi nama pengurus teknikal, pemeriksa dan pengawal dokumen yang dinyatakan pada Bahagian C untuk tiga (3) bulan terkini untuk setiap permohonan.</p>
<p>16) Program kursus teknikal dan Keselamatan & Kesihatan Pekerja (KKP) kakitangan teknikal</p>	<p>Pemohon perlu:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Menyediakan rekod program kursus teknikal dan KKP dalam bentuk jadual bagi kursus yang telah dijalankan. ➤ Menyediakan pembuktian kehadiran (sijil) bagi kursus yang telah dihadiri oleh kakitangan teknikal.

Jadual 5

8.0 PEMAKLUMAN

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan jika didapati:

- a) Tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat); atau
- b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- c) Telah melanggar mana-mana syarat yang dinyatakan di dalam surat kelulusan; atau
- d) Telah melanggar mana-mana syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa; atau
- e) Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

10.1. Permohonan yang lengkap akan diproses (melibatkan semakan dokumen, sesi pembentangan teknikal dan audit) dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja**. Pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh pegawai.

10.2. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan **dipertimbangkan untuk didaftarkan**.

Disediakan oleh:

UNIT PENGIKTIRAFAN

SEKSYEN PENGIKTIRAFAN, PEPERIKSAAN & PERSIJILAN

BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

21 JULAI 2025